

1983

KUALA LUMPUR, 8 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH DISIFATKAN SEBAGAI PERDANA MENTERI YANG MAHUKAN PEMBAHARUAN TERUTAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

PPRESIDEN DAN PENERBIT MAJALAH 'SOUTH', SEBUAH MAJALAH DUNIA KETIGA, ENCIK HUMAYUM GAUHAR BERKATA, INI IALAH KERANA USAHA-USAHANYA UNTUK MEMBAWA MALAYSIA KE TAHAP KEGIATAN EKONOMI YANG LEBIH TINGGI DARIPADA KEDUDUKANNYA SEKARANG DARI NEGARA PENGELUAR BARANGAN KEPADA NEGARA PEMBUATAN.

MENJADI NEGARA PERINDUSTRIAN ADALAH IDAMAN BEKAS-BEKAS TANAH JAJAHAN, DAN PEMBAHARUAN MALAYSIA KE ARAH INI AKAN DIAWASI DENGAN TELITI OLEH LAIN-LAIN NEGARA MEMBANGUN, TAMBAHNYA.

ENCIK GAUHAR BERKATA, MALAYSIA BERNASIB BAIK KERANA KERAJAAN-KERAJAAN DI MASA LALU TELAH MENINGGALKAN ASAS EKONOMI YANG BAIK, YANG ANTARA LAIN, TERMASUK SISTEM PERHUBUNGAN DAN INFRASTRUKTUR YANG KUKUH SERTA SUMBER KEWANGAN DAN BAHAN MENTAH YANG TIDAK TERBUANG ATAU BERKURANGAN KERANA SALAH PENGURUSAN.

BELIAU TELAH BERCAKAP DALAM SATU MAJLIS SEMPERA KELUARAN KHAS MAJALAH ITU MENGENAI MALAYSIA BULAN INI. HADIR DI MAJLIS TERSEBUT IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM. -- LAGI 2000/ZCM--

ZCZC 0656:

MAHATHIR-MAJALAH 2 KUALA LUMPUR

ENCIK GAUHAR JUGA MENGGARISKAN EMPAT FAKTOR UTAMA YANG MEMBANTU MEWUJUDKAN KEADAAN TENANG DAN SEJAHTERA DI MALAYSIA IAITU:-

- . KESEDIAAN KUMPULAN ATASAN MASYARAKAT-MASYARAKAT MALAYSIA BERUSAHA MEWUJUDKAN PERSEFAHAMAN ANTARA MEREKA DALAM SEMANGAT TOLAK-ANSUR;
- . MENYINGKIRKAN ISU-ISU KONTROVERSI DARI POLITIK YANG MENGIKUT PERASAAN;
- . KEAZAMAN KERAJAAN UNTUK BERTINDAK HABIS-HABISAN TERHADAP PRP-VOKASI ATAU TINDAKAN MENGHASUT YANG MENYINGGUNG KAUM-KAUM, DAN
- . TANGGUNGJAWAB DAN KEWAJIPAN RAKYAT MALAYSIA TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI TERMASUK KESELURUHAN STRATEGI UNTUK MERANGKAKAN DASAR-DASAR JANGKA PANJANG DI BIDANG SOSIAL DAN EKONOMI UNTUK MEMBASMI PUNCA-PUNCA PERMUSUHAN KAUM.

MENGENAI KERJASAMA ASIA TENGGARA, ENCIK GAUHAR MEMUJI USAHA-USAHA KERAJAAN MALAYSIA DAN JUGA LANGKAH-LANGKAHNYA YANG BERPANDANGAN JAUH UNTUK MENGUKUHKAN KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI SEBABKAN IA MENGAKUI BAHAWA KERJASAMA ADALAH SATU-SATUNYA JALAN UNTUK NEGARA-NEGARA TERSEBUT MENGATASI MASALAH KEMISKINAN DAN PERGANTUNGAN KEPADA ORANG LAIN. -- LAGI 2008/ZCM

B

ZCZC 0657:

MAHATHIR-MAJALAH 3 KUALA LUMPUR

+MALAYSIA TELAH MENUNJUKKAN BAHAWA IA AKAN MENGGUNAKAN SUMBER-SUMBERNYA, PENGALAMAN PEMBANGUNAN DAN KEMAHIRAN PENGURUSANNYA UNTUK MENINGKATKAN LAGI KERJASAMA SELATAN-SELATAN DAN INI JUGA AKAN MENJADI MATLAMAT UTAMA DALAM HUBUNGAN LUARNYA,+ TAMBAH BELIAU.

ENCIK GAUHAR MENINGKATKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN AKAN TERGUGAT KERANA BANYAK CAKAP-CAKAP KOSONG DAN MENJADIKANNYA SEBAGAI MEDAN PERDEBATAN POLITIK.

+RAMAI JURUCAKAP DUNIA KETIGA BERCAKAP PANJANG LEBAR MENGENAI KERJASAMA SELATAN-SELATAN, TIDAK ADA TINDAKAN. BAGAIMANAPUN, KEWAJIBAN MALAYSIA DALAM USAHA INI BENAR-BENAR TULEN DAN LEBIH DIPERCAYAI DARI SETAKAT KATA-KATA YANG MENYENANGKAN,+ KATANYA.

BELIAU BERHARAP USAHA MALAYSIA MENINGKATKAN KERJASAMA INI AKAN DAPAT MENGGERAKKAN LAIN-LAIN NEGARA MEMBANGUN MENGAMBIL TINDAKAN YANG SAMA. -- LAGI 2009/ZCM

MAHATHIR-MAJALAH 4 KUALA LUMPUR

MAJALAH TERSEBUT DILANCARKAN TIGA TAHUN LALU DI LONDON DAN SEKARANG PENGEDARAN BULANNYA IALAH DALAM LINGKUNGAN 62,000 NASKAH MELIPUTI LEBIH 140 BUAH NEGARA.

MAJALAH ITU DITERBITKAN OLEH YAYASAN DUNIA KETIGA, SEBUAH BADAN AMAL YANG MENUMPUKAN KEPADA KEMAJUAN SOSIAL DAN EKONOMI PENDUDUK DUNIA KETIGA.

SELAIN DARI ITU, YAYASAN TERSEBUT JUGA MENERBITKAN MAKALAH SUKU TAHUN SEKALI, MENGADAKAN BIASISWA DALAM PENGAJIAN DUNIA KETIGA DI PUSAT PENGAJIAN EKONOMI DI LONDON, DAN MENTADBIRKAN HADIAH DUNIA KETIGA YANG DIBERI SETIAP TAHUN KEPADA ORANG ATAU INSTITUT YANG MEMBUAT SUMBANGAN BESAR UNTUK PERJUANGAN DUNIA KETIGA. -- BERNAMA 2011/